

114 年導遊人員及領隊人員評量測驗試題

代號：4405
頁次：8-1

類 科：通用制外語導遊人員（馬來語）、通用制外語導遊人員（馬來語）應測 1 科
科 目：外國語（馬來語）

評量時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當答案。

(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆 在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。

(三)禁止使用電子計算器。

- 1 Penang dan Melaka merupakan tempat terbaik untuk menikmati masakan Nyonya yang _____ masakan Cina dan Melayu.
(A)menunjukkan (B)menambahkan (C)menggambarkan (D)menggabungkan
- 2 Melaka terletak di _____ strategik di pintu keluar Selat Melaka dan merupakan sebuah pelabuhan kuno.
(A)kedudukan (B)menduduki (C)penduduk (D)pendudukan
- 3 Kononnya, "Wugui" di Xiaoliuqiu, Taiwan ialah pekerja asing yang _____ ke Taiwan sebagai hamba oleh orang Belanda.
(A)bawa (B)dibawa (C)membawa (D)pembawa
- 4 Gunung Dawu _____ salah satu daripada lima gunung besar di Taiwan.
(A)berupa (B)merupa (C)rupa-rupa (D)merupakan
- 5 Erfeng Canal di Pingtung, Taiwan ialah sebuah infrastruktur pengairan yang _____ sebagai warisan budaya. Ini menunjukkan interaksi yang indah antara manusia dengan alam yang _____ makna budaya.
(A)dikategorikan, memiliki (B)diadakan, pemilik
(C)diingatkan, milikan (D)dibawakan, termilik
- 6 Orang Rukai sangat _____ ular seratus langkah dan bunga Lily.
(A)hormat (B)menghormat (C)penghormatan (D)menghormati
- 7 Orang Tao sering _____ topi berbentuk topi keledar yang dibuat daripada rotan atau kayu.
(A)berpakai (B)pemakaian (C)memakai (D)pemakai
- 8 Badan saya ada tujuh warna. Saya tinggal di langit. Anda boleh melihat saya di langit selepas hujan. Siapakah saya?
(A)awan (B)pelangi (C)bulan (D)bintang
- 9 Pelabuhan Taipei ialah pelabuhan penting yang _____ di Bali, Bandar New Taipei.
(A)meletak (B)meletakkan (C)diletak (D)terletak
- 10 Apakah kadar _____ antara wang Malaysia (RM) dengan wang Taiwan (NTD) hari ini?
(A)perdagangan (B)pertukaran (C)pemasaran (D)pembayaran
- 11 Pada musim sejuk, Keelung sering mengalami hujan lebat dengan suhu purata sekitar 22 darjah Celsius. Oleh itu, ia dikenali sebagai "_____".
(A)Bandar Bunga (B)Bandar Budaya (C)Bandar Teknologi (D)Bandar Hujan

- 12 Rumah lama di Daxi yang _____ Baroque sudah menjadi tempat pelancongan yang terkenal di Taoyuan.
(A)menggayakan (B)gaya (C)menggaya (D)bergaya
- 13 Pilih ayat yang betul dari segi tatabahasa:
(A)Dia pergi ke pasar dengan kawan-kawannya.
(B)Dia pergi ke makan bersama kawan-kawannya.
(C)Dia pergi ke pasar bagi kawan-kawannya.
(D)Dia pergi makan serta kawan.
- 14 Di Malaysia, Tahun Baru Cina disambut oleh kaum Cina sebagai tanda _____ tahun baru berdasarkan kalendar lunar.
(A)ketinggalan (B)kedatangan (C)perlepasan (D)pertemuan
- 15 Di Taiwan, Perayaan _____ disambut dengan menerbangkan lampu kertas untuk berdoa memohon kesejahteraan dan keselamatan, serta sebagai simbol harapan.
(A)Tanglung (B)Qingming (C)Duanwu (D)Hantu
- 16 Hotel-hotel mewah sering _____ perkhidmatan spa dan gimnasium untuk memenuhi permintaan pelanggan yang inginkan percutian kesihatan dan relaksasi.
(A)menawarkan (B)meningkatkan (C)membolehkan (D)meninggikan
- 17 Sila _____ meja sebelum makan.
(A)siapkan (B)sediakan (C)buat (D)masak
- 18 Pilih perkataan yang merupakan kata nama:
(A)berlari (B)cantik (C)buku (D)cepat
- 19 Mereka _____ ke taman setiap minggu.
(A)pergi (B)berpergi (C)yang pergi (D)pergi di
- 20 Manakah daripada berikut yang biasanya tidak dilindungi oleh insurans pelancongan?
(A)pembatalan perjalanan (B)perubatan kecemasan
(C)penangguhan penerbangan (D)pemulangan barang ke rumah
- 21 Bumbung rumah pak cik roboh akibat ditiup angin _____ semasa ribut taufan Krathon.
(A)kencang (B)deras (C)laju (D)lebat
- 22 Dia berbual-bual dengan emaknya melalui telefon bimbit sepanjang _____ ke sekolah.
(A)pejalan (B)perjalanan (C)dijalankan (D)jalanan
- 23 Mereka perlu menaiki bas persiaran _____ dari hotel penginapan ke tempat pelancongan di setiap bandar yang dikunjungi.
(A)berulang-alik (B)berlalu-lalang
(C)berpindah-randah (D)berbengkang-bengkok
- 24 Selepas _____ daripada tidur, Suk Min terus mengemaskan katilnya.
(A)sedar (B)terjun (C)bangun (D)lompat

- 25 Ibu dan bapa sayang _____ nenek dan datuk.
(A)akan (B)hingga (C)sampai (D)tentang
- 26 Semasa rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri, tetamu akan _____ aneka makanan yang enak.
(A)diserukan (B)dipilih (C)dijemput (D)dilayani
- 27 Semasa melancong ke negara lain, kita perlu mengikuti adat istiadat di tempat yang kita kunjungi, seperti peribahasa "_____".
(A)di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
(B)di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
(C)kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
(D)hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri
- 28 Jason terpaksa menjual rumahnya kerana _____ wang untuk membiayai kos pembedahan jantung isterinya.
(A)kesusahan (B)kesempatan (C)kemampuan (D)kesempitan
- 29 Para pelancong _____ lawatan mereka ke negara kita kerana jerebu yang berlaku pada bulan ini.
(A)melangsungkan (B)mengekalakan (C)melanjutkan (D)membatalkan
- 30 Dia _____ laman web untuk _____ maklumat tentang aktiviti dan tempat paling menarik di Taiwan bagi pelancong Malaysia.
(A)melayani...memperolehi (B)melayari...mendapatkan
(C)merujuk...mengarangkan (D)meneroka...menghasilkan
- 31 Mari kita _____ gambar di sini.
(A)mengangkat (B)membaca (C)mencari (D)mengambil
- 32 Dia _____ membawa ahli keluarganya melancong ke tempat menarik di Taiwan.
(A)seboleh-boleh (B)seolah-olah (C)sekali-sekala (D)sepandai-pandai
- 33 Pada musim sejuk, kakinya menjadi _____ kerana terlalu dingin.
(A)beku (B)kejur (C)lenguh (D)bindam
- 34 Jangan membawa barang haram yang tidak dibenarkan semasa mengunjungi Taiwan. Sesiapa yang _____ undang-undang akan dikenakan denda.
(A)menentang (B)melanggar (C)membantah (D)menempah
- 35 "Malam ini kita boleh melihat banyak _____ di dalam hutan itu," kata pemandu pelancong kepada pelancongnya.
(A)api-api (B)gula-gula (C)ubur-ubur (D)orang-orang
- 36 Banyak _____ berkumpul di Jabatan Pelancongan Taiwan yang dikelolakan oleh MOTC Taiwan untuk membuat laporan berita terkini.
(A)wartawan (B)jurutulis (C)juruhebah (D)jurubahasa
- 37 Mei Ping telah menunggu peluang melawat ke Taiwan _____.
(A)dari tahun ke tahun (B)dari tahun ke setahun
(C)daripada tahun ke tahun (D)daripada tahun ke setahun

- 38 Pak Cik Goh mendapat sumbangan baucar bernilai TWD250,000 _____ syarikat itu.
(A)daripada (B)kepada (C)pada (D)dari
- 39 Terdapat banyak pilihan _____ yang mudah ke Lapangan Terbang Taoyuan, _____ MRT Lapangan Terbang Taoyuan yang pantas dan mudah, _____ bas dengan harga yang berpatutan.
(A)perjalanan...sama dengan...lalu (B)perlepasan...iaitu...sama ada
(C)pengangkutan...termasuk...serta (D)penerbangan...bagaikan...kemudian
- 40 Kepada semua pengunjung, kami ingin mengucapkan _____ dan semoga anda _____ pengalaman yang menyenangkan di sini.
(A)selamat datang...menikmati (B)selamat pagi...mempunyai
(C)selamat jalan...menyaksikan (D)selamat tinggal...mengadakan
- 41 Jika anda membawa barang yang boleh dikenakan duti, cukai, barangan terkawal atau dilarang, sila _____ semua barangan tersebut kepada pegawai pemeriksaan.
(A)laporkan (B)hapuskan (C)upacarkan (D)sejahterakan
- 42 Bilangan masjid dan surau di Taiwan telah _____ bagi memastikan para pelancong dapat menjalani solat dengan selesa.
(A)memuncul dan diperbaharui (B)menurun dan diisytiharkan
(C)membangkit dan dilaksanakan (D)meningkat dan dinaiktaraf
- 43 Hakisan tanah dapat dielakkan jika _____ hutan dikawal.
(A)penerbangan (B)penerbitan (C)penerangan (D)penebangan
- 44 Emak _____ pakaian yang baru dibasuhnya di ampaiian ketika cuaca panas.
(A)tersidai (B)menyidai (C)penyidai (D)bersidaian
- 45 A: Bolehkah saya membeli cenderamata untuk keluargaku?
B: _____
(A)Ya, pejabat pos terletak di hujung jalan ini.
(B)Cantiknya cincin ini yang berhiasan batu berlian.
(C)Tentulah, terdapat banyak pilihan di kawasan ini.
(D)Silakan, awak boleh mengambil dengan sepuas-puasnya.
- 46 A: _____
B: Pukul jam enam hingga jam sepuluh.
(A)Bilakah sarapan pagi akan bersedia? (B)Berapa panjangnya perjalanan ini?
(C)Bagaimanakah makanan di kedai itu? (D)Di mana kedai itu terbuka?
- 47 Penguasaan _____ ialah perkara yang penting bagi seseorang yang menceburi bidang penulisan.
(A)tatatertib (B)tatasusila (C)tatabahasa (D)tatacara
- 48 "Sila _____ rancangan kegemaran anda semasa berehat di bilik rehat," kata pemandu pelancong kepada semua orang.
(A)menunjuk (B)menonton (C)menerima (D)memandang

- 49 Kerja-kerja _____ bangunan bersejarah telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan tempatan untuk menarik perhatian para pelancong semasa mengunjungi JiuFen, Taiwan.
(A)membina (B)memulihara (C)mengukir (D)mengumpul
- 50 Rambutnya menjadi _____ apabila ditiup angin kencang.
(A)kusut masai (B)hiruk pikuk (C)kelam kabut (D)lintang pukang
- 51 Pemandu pelancong _____ para pelancong agar sentiasa menjaga harta benda sendiri semasa melawati pasar malam LiuHe, Kaohsiung.
(A)mengusik (B)memberitahu (C)mengingatkan (D)menjelaskan
- 52 Kita boleh membeli _____ di kedai bebas cukai sebelum perlepasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Taoyuan.
(A)buah hati (B)buah mulut (C)buah tangan (D)buah kalam
- 53 A: Apakah nama _____ nya?
B: Ahmad bin Ibrahim.
(A)kumpulan (B)panggilan (C)keluarga (D)penuh
- 54 Bantalnya yang berisi bulu _____ amat lembut.
(A)dedaun (B)lelayang (C)bebola (D)bebiri
- 55 Pelawat-pelawat tidak sempat mengunjungi seluruh Taman Negara Kenting kerana masa yang diberikan amat _____.
(A)lewat (B)segera (C)suntut (D)pantas
- 56 "Walaupun _____ yang mendapat hadiah, kemenangan ini tetap kemenangan _____ bersama," kata Lisa ketika berucap kepada rakan dan guru sekolahnya.
(A)anda...kami (B)saya...kita (C)kita...kalian (D)mereka...kamu
- 57 Selain haiwan, angin juga merupakan ejen _____ biji benih yang sangat berkesan.
(A)penyebaran (B)penebaran (C)pertumbuhan (D)pembentukan
- 58 _____ orang warga asing yang tinggal di rumah itu telah ditahan kerana memasuki negara ini tanpa dokumen yang sah.
(A)Seorang (B)Beberapa (C)Sejumlah (D)Sebilang
- 59 Pasukan besbol Taiwan telah berjaya mendapat tempat _____ dalam pertandingan peringkat dunia di Jepun pada tahun 2024.
(A)ketiga-tiga (B)berdua (C)pertama (D)satu
- 60 _____ pelancong yang datang ke negara ini mestilah mempunyai dokumen perjalanan yang sah.
(A)Berbagai-bagai (B)Setiap (C)Sekalian (D)Sebahagian
- 61 "_____ lagi sudah aku kata, jangan bermain di situ," kata datuk kepada cucunya.
(A)Awal-awal (B)Bila-bila (C)Mana-mana (D)Pagi-pagi
- 62 Para penumpang berebut-rebut meletakkan beg di _____ di dalam kereta api itu.
(A)paru-paru (B)para-para (C)rama-rama (D)paku-paku

- 63 Semasa menaiki pengangkutan awam, kamu perlu _____ suara ketika berbual-bual supaya tidak mengganggu orang lain.
(A)berendah (B)merendahkan (C)merendahi (D)terendah
- 64 Pameran batik itu mendapat sambutan _____ daripada orang ramai.
(A)banyak (B)panas (C)hangat (D)tinggi
- 65 Pencemaran udara menyebabkan keadaan jerebu semakin ketara. _____, pihak berkuasa mengambil tindakan segera bagi mengatasinya.
(A)Namun begitu (B)Tambahan pula (C)Sehubungan itu (D)Akan tetapi
- 66 _____ perlu menunjukkan tingkah laku yang baik kepada pelancong asing.
(A)Dia (B)Kita (C)Kami (D)Beliau
- 67 Hubungan pelajar-pelajar yang tinggal di asrama _____ dan sentiasa tolong-menolong antara satu sama lain.
(A)seperti isi dengan kuku (B)seperti aur dengan tebing
(C)seperti enau dengan belukar (D)seperti bulan dipagar bintang
- 68 Puan Azizah suka makan lempeng kelapa _____ sambal ikan bilis.
(A)dengan (B)sedang (C)untuk (D)sambil
- 69 Daun pandan itu _____ halus-halus untuk dijadikan bunga rampai.
(A)ditebang (B)dianyam (C)dihiris (D)dikepang
- 70 Bantuan yang diberikan oleh kerajaan _____ dapat meringankan beban mangsa gempa bumi itu.
(A)sebanyak-banyaknya (B)selebih-lebihnya (C)seboleh-bolehnya (D)sekurang-kurangnya

▲閱讀下文，回答第 71-75 題

Pesta Tanglung Taiwan merupakan sebuah acara antarabangsa berskala besar pertama yang diadakan sejak pelonggaran sekatan pandemik di Taiwan. Perayaan ini telah diadakan selama 34 tahun untuk menyambut bulan **purnama** pertama Tahun Baru Cina. Bulan **purnama** membawa harapan dan impian kita untuk masa depan. Pesta Tanglung Taiwan ini dianjurkan di pusat bandar Taipei dan mulai tahun 2001, perayaan ini diadakan di bandar-bandar yang berbeza di seluruh Taiwan. Pada tahun 2024, perayaan ini kembali ke Tainan buat kali pertama dalam tempoh 16 tahun, dan menyinari Tainan dari 24 Februari hingga 10 Mac. Terdapat dua kawasan yang mempamerkan tanglung, iaitu "Kawasan Tanglung Rel Berkelajuan Tinggi" dan "Kawasan Tanglung Anping" dengan tema "Naga Datang ke Taiwan".

Tanglung utama dinamakan "Naga Datang ke Taiwan" dan tanglung sampingan dipanggil "Naga Kecil Bao". Tanglung utama tahun ini bukan sahaja berputar pada platform, tetapi juga dapat menggerakkan kaki depannya. Dimensi teknikal yang baru dan menarik ini menjadi unsur tambahan yang mempesonakan. Selain itu, tanglung utama tahun ini adalah mesra alam, dengan menggunakan tenaga suria yang membolehkan pergerakannya. Penjimatan tenaga merupakan tema utama perayaan tahun ini, menjadikannya bukan sahaja menghiburkan tetapi juga berunsur pendidikan.

Pesta Tanglung Taiwan 2024 bermula dengan menyalakan tanglung pertama pada 24 Februari. Tanglung utama membuat persembahan dengan pertunjukan cahaya setiap 30 minit. Pesta tanglung diteruskan hingga malam 10 Mac. Jabatan Pentadbiran Pelancongan menjemput orang ramai dari seluruh dunia untuk melawat Tainan dan mengambil bahagian dalam acara besar ini. Kami **gembira** dapat meraikan Festival Tanglung yang hebat dan berwarna-warni ini bersama penduduk Taiwan!

- 71 Pada Pesta Tanglung di Tainan, tanglung _____ berputar pada platform dan juga menggerakkan kaki depannya.
- (A)"Naga Datang ke Taiwan"
(B)"Kawasan Tanglung Rel Berkelajuan Tinggi"
(C)"Kawasan Tanglung Anping"
(D)"Naga Kecil Bao"
- 72 Apakah tema utama Festival Tanglung Taiwan 2024?
- (A)penghiburan pelawat (B)berunsuran pendidikan
(C)penjimatan tenaga (D)dimensi teknikal
- 73 Bulan **purnama** di dalam petikan bermaksud bulan yang berbentuk _____.
(A)buntar (B)bocor (C)bujur (D)bulat
- 74 "Kami **gembira** dapat meraikan Festival Tanglung yang hebat dan berwarna-warni ini bersama penduduk Taiwan!"
- Peribahasa yang sesuai bagi perasaan disampaikan dalam ayat ialah:
- (A)sebagai kera mendapat pisang (B)seperti air diminum sembiluan
(C)sebagai kucing dibawakan lidi (D)seperti banyak makan garam
- 75 Pilih pernyataan yang tidak benar berdasarkan petikan.
- (A)Pesta Tanglung Taiwan yang diadakan di Tainan tamat pada 10 Mac.
(B)Pesta Tanglung Taiwan diadakan untuk meraikan pelonggaran sekatan pandemik.
(C)Pesta Tanglung Taiwan pernah dianjurkan di Taipei dan juga bandar-bandar lain di Taiwan.
(D)Pesta Tanglung Taiwan pernah dilancarkan di Tainan pada tahun 2008.

▲閱讀下文，回答第 76-80 題

Ulam ialah sayur-sayuran atau tumbuh-tumbuhan yang boleh dimakan baik terus mentah. Selalunya bagi menambah rasa kepada ulaman yang dimakan, ia dicecah dengan sambal belacan, budu, cencaluk, mayonis, atau cecahan-cecahan lain. Biasanya disertakan sekali dengan nasi dan lauk-pauk yang lain. Amalan makan ulam sudah menjadi budaya masyarakat Melayu sejak turun-temurun lagi. Di Malaysia lebih daripada 120 jenis tumbuhan telah dimakan sebagai ulam yang terdiri daripada pelbagai keluarga tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan tersebut terdiri daripada tumbuhan herba kecil dan melata, jenis semusim seperti pegaga, sehingga pokok-pokok renek dan pokok-pokok besar jenis saka seperti petai, jering, genuak dan kerdas, yang biasanya tumbuh liar di kawasan pedalaman, di dusun atau di hutan belantara.

Di samping membangkit selera, masyarakat Melayu gemar masukkan sajian ulam dalam makanan yang dihidangkan kerana kebaikannya untuk kesihatan. Ini disebabkan kebanyakan ulam mengandungi banyak nutrien penting serta bahan antioksi dan yang mampu menghalang tindakan radikal bebas. Apabila ulam dimakan mentah, kandungan zat dan vitaminnya akan dipelihara dan tidak akan hilang seperti yang terjadi pada makanan lain akibat masak lama. Sebagai contoh, daun kaduk didapati mempunyai kalsium (Ca), fosforus (P), dan besi (Fe) yang paling tinggi dibandingkan dengan ulam-ulam lain.

Ulam mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Kebanyakan ulam sesuai diamalkan setiap hari kerana ia mengandungi kandungan serat yang amat diperlukan oleh sistem penghadaman manusia. Serat memainkan peranan sebagai pengisi pada bahan buangan dan memudahkan pergerakan najis dalam saluran usus. Ulam juga memainkan peranan penting dalam perubatan Melayu dan kini pakar pengkaji perubatan barat juga turut mengakui khasiat ulam sebagai tambahan yang baik untuk badan.

- 76 Apakah tajuk yang paling sesuai untuk petikan ini?
- (A)Ulam Mengubati Masyarakat Melayu
 - (B)Kepentingan Ulam terhadap Masyarakat
 - (C)Manfaat Ulam terhadap Kesihatan
 - (D)Jenis-jenis Ulam yang Diterokai Manusia
- 77 Menurut petikan di atas, yang manakah bukan jenis ulam yang dimakan oleh Masyarakat Melayu?
- (A)serat
 - (B)kaduk
 - (C)pegaga
 - (D)petai
- 78 Perkataan "sajian" dalam petikan tidak boleh digantikan dengan perkataan "_____".
- (A)makanan
 - (B)hidangan
 - (C)suguhan
 - (D)kandungan
- 79 Mengapakah ulam lebih elok dimakan mentah sahaja?
- (A)kerana makan ulam selalu membangkit selera manusia.
 - (B)kerana vitamin ulam tidak dapat dipelihara dari masak lama.
 - (C)kerana ulam mempunyai keistimewaan yang tersendiri.
 - (D)kerana ulam pakar pengajian perubatan barat.
- 80 Pilih pernyataan yang betul tentang petikan ini.
- (A)Ulam merupakan tumbuhan liar hanya terdapat di kawasan pedalaman.
 - (B)Ulam dimakan untuk mengurangkan selera makan dan kesihatan badan.
 - (C)Ulam mengandungi kandungan yang diperlukan oleh sistem pencernaan.
 - (D)Ulam biasanya disertakan sekali tanpa nasi dan lauk-pauk yang lain.